



KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI BILANGAN 6 TAHUN 2008

PELAKSANAAN DASAR SATU PERATUS PELUANG PEKERJAAN DALAM PERKHIDMATAN AWAM KEPADA ORANG KURANG UPAYA

Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah bersetuju menerimapakai Pekeliling Perkhidmatan (Persekutuan) Bilangan 3 Tahun 2008 untuk Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan.

2. Pekeliling Perkhidmatan berkenaan boleh di muat turun melalui laman web <http://www.ipa.gov.my>.

(HAJI ZAINUDDIN BIN HAJI IBRAHIM)
Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)
b.p. SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI KELANTAN


Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Blok 2, Aras 2, Kota Darulnaim
15503 KOTA BHARU.

Bertarikh : 07 Jamadilakhir 1429H
11 Jun 2008

[SUK.D.200(01) 600/9/Jld. 7/(14)]

Kepada : Semua Ketua Jabatan Negeri

- Salinan :
- 1) Ketua Pengurusan
Pihak Berkuasa Tempatan Negeri
 - 2) Ketua Pengurusan
Pihak Berkuasa Berkanun Negeri
 - 3) Semua Ketua Unit/Bahagian
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 3 TAHUN 2008

PELAKSANAAN DASAR SATU PERATUS PELUANG PEKERJAAN DALAM PERKHIDMATAN AWAM KEPADA ORANG KURANG UPAYA

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan menjelaskan prosedur, peranan agensi dan pemantauan pelaksanaan dasar satu peratus peluang pekerjaan dalam perkhidmatan awam kepada Orang Kurang Upaya (OKU).

LATAR BELAKANG

2. Dasar memperuntukkan satu peratus peluang pekerjaan dalam perkhidmatan awam kepada OKU telah dijelaskan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 1988 (PP 10/1988). Tujuan pelaksanaan dasar ini ialah untuk membantu OKU yang memiliki kelayakan dan / atau kemahiran diberi peluang menjawat jawatan dalam perkhidmatan awam. Walau bagaimanapun, selaras dengan usaha untuk mempertingkatkan pembangunan modal insan dan menjadikan rakyat Malaysia sebagai masyarakat penyayang, Kerajaan telah bersetuju supaya pekeling perkhidmatan berkenaan diperkemaskan dan pengambilan OKU pada kadar sekurang-kurangnya satu peratus dalam perkhidmatan awam tercapai.

DEFINISI

3. Bagi tujuan Pekeliling Perkhidmatan ini:

“Orang Kurang Upaya (OKU)” berdasarkan Akta Orang Kurang Upaya 2007 termasuklah mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang dari segi fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat;

“Ketua Jabatan” bermaksud seseorang pegawai yang mengetuai sesuatu jabatan atau Ketua Perkhidmatan, mengikut mana-mana yang berkenaan;

“Pihak Berkuasa Melantik (PBM)” bermaksud pihak berkuasa melantik bagi sesebuah agensi yang diberi kuasa untuk melantik seseorang berkhidmat dengannya. Ini termasuklah Ketua Jabatan atau Ketua Perkhidmatan yang diwakilkan kuasa oleh PBM;

“Penyesuaian Munasabah” bermaksud pengubahsuaian dan pelarasan yang perlu dan sesuai tanpa mengenakan bebanan tidak seimbang atau tidak wajar, jika diperlukan dalam hal tertentu, untuk memastikan OKU menikmati atau menjalani kehidupan yang berkualiti dan sejahtera atas asas kesetaraan dengan orang upaya.

DASAR PENGAMBILAN

4. Dasar pengambilan satu peratus OKU menetapkan setiap agensi dan Pihak Berkuasa Melantik (PBM) hendaklah membuat pengambilan OKU sekurang-kurangnya satu peratus daripada jumlah pegawai dalam agensi tersebut tertakluk kepada permohonan oleh OKU dan kesesuaian bidang tugas serta kemudahan.

PROSEDUR PERMOHONAN JAWATAN

5. OKU boleh memohon terus untuk mengisi jawatan kepada PBM sama ada di peringkat Persekutuan, Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan. Bagi tujuan permohonan tersebut, OKU perlu memenuhi syarat-syarat seperti yang dinyatakan dalam skim perkhidmatan yang sedang berkuat kuasa.
6. OKU juga boleh mengemukakan permohonan kepada PBM dengan mendapat khidmat nasihat daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Bagi maksud ini, OKU hendaklah berdaftar dengan JKM.
7. Permohonan jawatan oleh OKU boleh dibuat melalui sistem *online*, borang permohonan atau kaedah-kaedah lain yang ditetapkan oleh PBM.
8. Sebagai garis panduan kepada agensi dan PBM, kategori ketidakupayaan adalah seperti di **Lampiran A** tertakluk kepada perubahan yang dibuat oleh JKM dari semasa ke semasa.

PROSEDUR PENGAMBILAN

9. Bagi menemu duga OKU, PBM atau agensi (sekiranya diwakilkan kuasa pelantikan), jika perlu boleh melantik panel penemu duga yang salah seorang ahli panel adalah Pegawai Kebajikan Masyarakat atau mana-mana pegawai yang berpengalaman dalam pengurusan OKU.
10. Pelantikan OKU hendaklah mengikut syarat skim perkhidmatan berkenaan. OKU boleh dilantik secara tetap, kontrak atau apa-apa kaedah pelantikan yang berkuat kuasa.

PERANAN JKM

11. JKM berperanan:

- (i) menjalankan usaha-usaha pendaftaran pencari kerja OKU untuk berkhidmat dalam perkhidmatan awam;
- (ii) menyalurkan maklumat pendaftaran pekerjaan OKU kepada PBM dan agensi berkenaan bagi membantu urusan permohonan jawatan;
- (iii) mengadakan program secara berkala dengan golongan OKU bagi mendengar dan membincangkan isu dan cabaran yang dihadapi oleh mereka khususnya dalam bidang pekerjaan;
- (iv) mewujudkan pendekatan '*job coaching*' bagi membantu OKU dan agensi dalam membuat penyesuaian kepada persekitaran kerja dan bidang kerja; dan
- (v) memastikan Ketua Jabatan mengemukakan laporan mengenai bilangan OKU yang berkhidmat di agensi masing-masing setiap enam (6) bulan mengikut format di **Lampiran B** bagi memantau pelaksanaan dasar pengambilan satu peratus peluang pekerjaan dalam perkhidmatan awam kepada OKU.

PERANAN KETUA JABATAN

12. Ketua Jabatan berperanan :

- (i) memaklumkan kepada JKM dan PBM mengenai kekosongan jawatan di agensi masing-masing yang sesuai untuk diisi oleh OKU;

- (ii) melaksanakan program orientasi di tempat kerja bagi membantu OKU menyesuaikan diri kepada persekitaran di tempat kerja dengan mengambil kira keupayaan OKU supaya mereka dapat bekerja dalam keadaan selesa dan produktif. Program ini juga bertujuan mewujudkan hubungan saling memahami antara OKU dengan majikan dan rakan-rakan sekerja agar mereka dapat membantu OKU bekerja secara berterusan di samping meningkatkan kualiti perkhidmatan;
- (iii) memastikan OKU mendapat keselesaan dalam menjalankan tugas serta kesesuaian penggunaan kemudahan dengan mengambil tindakan ke arah menyediakan penyesuaian yang munasabah; dan
- (iv) memastikan laporan yang diperlukan oleh JKM mengenai OKU dikemukakan pada masa yang ditetapkan.

PEMANTAUAN

13. Setiap agensi adalah bertanggungjawab memastikan bahawa pengambilan OKU dalam jawatan-jawatan dalam perkhidmatan awam dilaksanakan secara berterusan sehingga bilangan mereka yang berkhidmat di agensi berkenaan mencapai sekurang-kurangnya satu peratus. JKM akan memantau pelaksanaan dan pencapaian dasar ini di agensi berkenaan dan perkhidmatan awam keseluruhannya dari semasa ke semasa.

TARIKH KUAT KUASA

14. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.


PEMBATALAN

15. Dengan berkuat kuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, PP 10/1988 adalah dibatalkan.

PEMAKAIAN

16. Tertakluk kepada penerimaannya oleh Pihak Berkuasa masing-masing, Pekeliling Perkhidmatan ini terpakai kepada Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan. Walau bagaimanapun, Pihak Berkuasa berkenaan disarankan untuk sama-sama menjayakan dasar ini.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI ISMAIL ADAM)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

/ April 2008

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Ketua Pihak Berkuasa Tempatan

LAMPIRAN A

KATEGORI KETIDAKUPAYAAN

Bagi maksud pendaftaran, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat telah mengklasifikasikan Orang Kurang Upaya kepada enam (6) kategori utama ketidakupayaan seperti berikut:

BIL	KATEGORI	PENJELASAN
I	Kurang Upaya Pendengaran	a) Minimum (<i>Mild</i>) - (20 - < 30 db). b) Sederhana (<i>Moderate</i>) - (30-< 60 db). c) Teruk (<i>Severe</i>) - (60 - < 90 db). d) Sangat Teruk (<i>Profound</i>) - (> 90 db).
II	Kurang Upaya Penglihatan	a) Buta (<i>Blind</i>) Penglihatan kurang daripada 3/60 pada mata yang lebih baik walaupun dengan menggunakan alat bantu penglihatan (cermin mata). b) Terhad –(<i>Low Vision / Partially Sighted</i>) Penglihatan lebih teruk dari 6/18 tapi sama dengan atau lebih baik daripada 3/60 dalam mata yang lebih baik penglihatannya walaupun dengan menggunakan alat bantu penglihatan (cermin mata). c) <i>Tunnel Vision</i> Pandangan yang terhad kepada satu arah dan dalam ruangan sehalu.
III	Kurang Upaya Fizikal	Kecacatan anggota badan misalnya - Penyakit Polio, Kudung, <i>Muscular Dystrophy</i> , <i>Myopathy</i> , <i>Neuropathy</i> , <i>Osteogenesis Imperfecta</i> , kerdil dll.

BIL	KATEGORI	PENJELASAN
IV	Cerebral Palsy	a) <i>Hemiplegia</i> <i>Cerebral Palsy</i> yang melibatkan sebelah bahagian badan. b) <i>Diplegia</i> <i>Cerebral Palsy</i> yang melibatkan kedua-dua belah kaki. c) <i>Quadriplegia</i> <i>Cerebral Palsy</i> yang melibatkan kedua-dua belah tangan dan kaki.
V	Masalah Pembelajaran	Diagnosa perubatan dibawah kategori ini merangkumi : a) Lewat Perkembangan (<i>Global Developmental Delay</i>) (bagi kanak-kanak berumur < 3 tahun). b) <i>Down's Syndrome</i>. c) <i>Autisma</i>. d) <i>Attention Deficit Hyperactive Disorder</i>. e) Terencat Akal (<i>Mental Retardation</i>) (bagi kanak-kanak berumur > 3 tahun). f) Masalah pembelajaran spesifik seperti <i>dyslexia</i>, <i>dysgraphia</i>, <i>dyscalculia</i> dll.
VI	Lain-lain	Diagnosa perubatan di bawah kategori ini merangkumi semua masalah kurang upaya yang tidak dinyatakan dalam format.

NAMA KEMENTERIAN/ AGENSI/SUK	TARIKH	TEMPOH : PENGAL PERTAMA / PENGAL KEDUA (Januari – Jun) (Julai – Disember)	(Potong yang tidak berkenaan)
------------------------------------	--------------	---	-------------------------------

JUMLAH PERJAWATAN KESELURUHAN = JAWATAN
JUMLAH JAWATAN UNTUK OKU 1% = JAWATAN
PENGISIAN KEKOSONGAN.....

Bil.	Pegawai OKU (Sedia Ada)									Cadangan Pengisian Calon OKU	
Nama	I/C	Tarikh Lahir	Jantina		Kaum	Kategori Ketidakupayaan	Kelulusan Akademik	Skim Perkhidmatan & Gred Jawatan	Taraf Pelantikan	Skim Perkhidmatan & Gred Jawatan	Bilangan Cadangan Pengisian
			L	P							
										Pengurusan & Profesional	
										Kumpulan Sokongan I	
										Kumpulan Sokongan II	
										Jumlah Keseluruhan	

Kaum : M - Melayu
C - Cina
I - India

LLBP - Lain-Lain Bumiputera
LLB - Lain-Lain Bangsa